



# SMART Desa Selangor

## MANUAL PENGGUNA

Versi 2.0

Oktober 2017

**PLANMalaysia@Selangor**

Panduan penggunaan Sistem Smart  
Desa Selangor secara Online

## Lembar Semakan

<b>Release No.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Penerangan Semakan</b>
Rev. 0	28/07/2017	Template Manual Pengguna dan Senara Semak
Rev. 1	28/07/2017	Deraf Awal Manual Pengguna
Rev. 2	22/10/2017	Deraf Final Manual Pengguna

# MANUAL PENGGUNA

## ISI KANDUNGAN

Mukasurat #

<b>A. PERMULAAN SISTEM .....</b>	<b>4</b>
<b>3.1 Gerbang Portal.....</b>	<b>4</b>
<b>3.2 Daftar Masuk.....</b>	<b>5</b>
<b>3.3 Menu Utama .....</b>	<b>7</b>
<b>B. PENGGUNAAN SISTEM (ONLINE) .....</b>	<b>8</b>
<b>4.1 Laman Dashboard.....</b>	<b>9</b>
4.1.1 Carta Ringkasan Kampung .....	9
4.1.2 Carta Ringkasan Kemudahan .....	9
<b>4.2 Laman WebGIS.....</b>	<b>10</b>
4.2.1. Fungsi Tool Navigasi .....	11
4.2.2 Tool StreetView.....	13
4.2.3.Tool Info .....	13
4.2.4 Tool Carian .....	14
4.2.5 Tool Pengukuran .....	15
4.2.6 Fungsi Kandungan Lapisan Data (TOC) .....	16
4.2.7 Fungsi Tetingkap Paparan .....	17
<b>4.3 Laman Profil Kampung.....</b>	<b>18</b>
<b>4.4 Laman Senarai/Database .....</b>	<b>19</b>
<b>4.5 Laman Infografik .....</b>	<b>20</b>
<b>4.6 Laman Analisis Semasa .....</b>	<b>21</b>
<b>4.7 Laman Hirarki Kampung .....</b>	<b>22</b>
4.7.1 Analisis Hirarki Kampung .....	22
4.7.2 Analisis Tekanan Pembangunan .....	23
4.7.2 Analisis Aksesibiliti Kampung .....	24
<b>4.8 Laman Agihan Kemudahan .....</b>	<b>25</b>
<b>C. PENGURUSAN SISTEM (ONLINE) .....</b>	<b>27</b>
<b>5.1 Tool Suntingan Data WebGIS .....</b>	<b>29</b>
5.1.1 Mewujud/Memadamkan fitur spatial data .....	29
5.1.2 Mengemaskini maklumat data .....	30
<b>5.2 Tool Suntingan Penampilan.....</b>	<b>32</b>
<b>5.3 Tool Suntingan Maklumat.....</b>	<b>34</b>
<b>5.4 Tool Penyelenggaraan Sistem.....</b>	<b>36</b>
5.4.1 Laman Pendaftaran Pemohon.....	36
5.4.2 Laman Pengurusan Akses .....	37

## A. PERMULAAN SISTEM

Bahagian ini menyediakan panduan umum sistem dari mula hingga akhir penggunaan. Pengaturan penggunaan menerusi fungsi maklumat itu akan membolehkan pengguna memahami urutan dan aliran sistem. Panduan penggunaan berserta dengan snapshot sistem digunakan bagi menerangkan fungsi dan tatacara penggunaan.

### 3.1 Gerbang Portal

Pengguna boleh mengakses gerbang Smart Desa Selangor dipautan [smartdesa.jbdselangor.gov.my](http://smartdesa.jbdselangor.gov.my). Maklumat asas dan fungsi mengenai sistem ini terdapat dipaparan utama.




Gerbang ini digunakan pengguna untuk mengakses kepada 3 fungsi utama iaitu:-

- Sistem Smart Desa melalui daftar masuk
- Profil kampung melalui carian nama kampung
- Laporan Dasar Perancangan Fizikal Negeri Selangor

Pada portal ini turut disediakan:-

- Pengenalan kepada sistem
- Pautan kepada web agensi
- Pendaftaran pengguna
- Penafian



**Bangunan Darul Ehsan**  
Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
3.7 ★★★★☆ 10 reviews  
[View larger map](#)

**PENGENALAN** **APLIKASI MOBILE** **BANTUAN** **HUBUNGI** **DAFTAR**


Sultan Salahuddin Abdul Aziz Mosque  
Taman Rekreasi Raja Lumu  
Muzeum Sultan Alam Shah  
Jabatan Audit Negara (Negeri Selangor)  
Plaza Alam Sentral  
Galeri Shah Alam  
Wet World Water Park Shah Alam  
Taman Tasik Shah Alam  
Taman Rekreasi Permai  
Bangunan Darul Ehsan  
Jabatan Imigresen N. Selangor

©2017 Google - Map data ©2017 Google Terms of Use Report a map error


Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan dan kerugian yang disebabkan oleh penggunaan maklumat yang diperolehi dari laman ini.  
Copyright (c) 2016 JPBD Selangor.

## 3.2 Daftar Masuk

1. Pengguna yang telah berdaftar perlu memasukkan ID dan katalaluan untuk akses kepada sistem ini diruangan paparan yang telah disediakan.
2. Pilih kategori level pengguna sama ada admin/staff. Klik login untuk akses kedalam sistem.



3. Bagi pengguna pertama yang belum didaftarkan, klik pada New Account bagi tujuan pendaftaran pengguna.
4. Masukan nama dan nombor telefon pengguna. Daftarkan akaun anda menggunakan email jabatan/agensi. Taip masuk juga Jabatan/Agenzi pemohon.



5. Disediakan pendaftaran khas pengguna bagi penghulu dan pejabat tanah. Pilih butang ▼ bagi senarai daerah di Selangor.
6. Pengguna perlu menaip masuk ID dan kata laluan pengguna. Pastikan pengesahan terma diketik sebelum menghantar.

7. Klik pada create account untuk permohonan.


Nota: Email akan dihantarkan ke akaun email pemohon bagi mengesahkan pendaftaran. (\*Pihak admin perlu mengesahkan keperluan pengguna baru bagi mengakses Sistem ini daripada penyelia masing-masing. Status permohonan akan dihantar oleh pihak pengurus sistem.

### 3.3 Menu Utama

Pengguna yang berjaya mendaftar masuk akan dipaparkan dengan pilihan bebutang fungsi mengikut topik untuk diakses. Terdapat bebutang yang mempunyai sub-topik bagi pengguna mengakses secara langsung ke menu paparan tersebut.

Antara topik kandungan maklumat ialah:-

- Carta Ringkasan
- Sistem GIS
- Profil Kampung
- Senarai Kampung
- Infografik kampung
- Analisis Semasa
- Hirarki Kampung
- Aksesibiliti
- Keperluan Kemudahan



## B. PENGGUNAAN SISTEM (ONLINE)




# SMART Desa Selangor

## 4.1 Laman Dashboard

Diwujudkan bagi pengguna mendapatkan maklumat secara pantas tanpa memerlukan pengoperasian terperinci. Statistik dan carta akan digunakan bagi menyampaikan keputusan maklumat semasa yang diperolehi dari pangkalan data kampung.

### 4.1.1 Carta Ringkasan Kampung


- Pengguna perlu memilih bebutang Carta Ringkasan.
- Bagi melihat carta ringkasan lain pengguna perlu scroll down paparan



### 4.1.2 Carta Ringkasan Kemudahan

Turut disediakan juga carta ringkasan mengikut kesediaan setiap kumpulan jenis kemudahan awam di seluruh Selangor.

- Pengguna perlu hanya memilih tab kumpulan pilihan seperti rajah dibawah bagi melihat bilangan kampung yang mempunyai kemudahan tersebut.




## 4.2 Laman WebGIS

Laman ini merupakan teras kepada pembangunan sistem ini. Ia membolehkan pengguna merangkaikan maklumat kampung dengan lokasi dan sempadanya. Sempadan kampung digunakan sebagai data utama dalam menentukan lokasi kampung. Data-data lain seperti gunatanah semasa, nama kemudahan turut disediakan dalam memudahkan pengguna mendapat dan memaparkan maklumat kampung.

Berikut adalah keupayaan sistem WebGIS ini:-

- Navigasi peta melalui tool yang disediakan
- Mencapai maklumat spatial dan non-spatial dengan mudah/pantas
- Membolehkan suntingan data secara atas talian
- Membenarkan pengguna melakukan kawalan lapisan data
- Membolehkan pengguna melakukan pilihan peta dasar
- Memaparkan gambar secara StreetView
- Melaksanakan cetakan peta
- Menyediakan tool suntingan sistem

Pengguna boleh akses laman menerusi bebutang webgis  yang disediakan dipenjuru kiri paparan.




Terbahagi kepada tiga komponen besar:

No	Komponen	Penerangan
1	Tool Navigasi	Menyediakan sejumlah tool bagi melayari paparan secara interaktif
2	Kandungan Lapisan Data	Menyediakan petunjuk bagi setiap data dan kawalan ke atas lapisan data yang dipaparkan dalam ruangan peta
3	Paparan peta	Memaparkan data GIS (spatial) secara dinamik

#### 4.2.1. Fungsi Tool Navigasi

Tool ini disediakan dibahagian atas menu paparan dan berinteraktif dengan paparan peta.



No	Simbol	Fungsi	Diskripsi
1		Pan	Mengerakkan paparan peta dengan click-hold-drag tetikus ke lokasi tuju
2		Zoom by draw	Membesarkan fitur dengan melukis kotak pada lokasi tuju
3		Zoom In	Membesarkan fitur secara berkala. Penggunaan : Klik pada lokasi di atas peta
4		Zoom Out	Mengecilkan fitur secara berkala Penggunaan : Klik pada lokasi di atas peta
5		Zoom Previous	Memaparkan kembali paparan peta sebelum aktiviti terakhir
6		Zoom Next	Memaparkan kembali paparan peta selepas aktiviti terakhir
7		StreetView	Merangkai paparan panarmic lokasi 3D di jalan-jalan utama kampung.
8		info	Memaparkan paparan pada ukuran keseluruhan peta
9		Carian	Memaparkan menu carian bagi kampung
10		Ukuran	Mengukur kawasan dan jarak fitur

Nota: Bagi menyah-aktifkan tool memerlukan pengguna klik kembali tool tersebut.

Fungsi tool bernombor 1 hingga 6 berinteraktif langsung dengan paparan peta manakala 7 hingga 10 mempunyai sub-menu. Langkah penggunaan diperincikan pada tool bernombor 7 hingga 10.

- Secara amnya untuk navigasi, pengguna boleh juga menggunakan skrol pada tetikus tanpa perlu memilih bebutang disediakan. Tolak skrol bagi zoom-in manakala tarik skrol untuk zoom-out.


- Bagi menganjak(panning) paparan peta pula pengguna perlu klik serta tahan pada paparan peta dan seret kelokasi yang dituju.
- Menggunakan konsep Google Map, semakin peta di Zoom-In maka semakin banyak maklumat akan kelihatan.

## 4.2.2 Tool StreetView

Tool StreetView disediakan bagi membolehkan pengguna mendapatkan maklumat terperinci gambaran sebenar di tapak secara 3D. Pengguna boleh melayari gambar sepanjang jalan sebagaimana aplikasi Google Streetview.

Langkah:-

1. Pilih tool StreetView  dan klik pada jalan utama. Tetingkap (Window) baru akan rangkaikan lokasi tersebut pada gambar panoramik tapak.
2. Pengguna boleh melayari dengan zoom-in/out dan pan gambar tersebut menggunakan simbol ini.
3. Klik tool enlarge  bagi membesarkan tetingkap StreetView.
4. Tutup dengan klik butang 




## 4.2.3 Tool Info

Digunakan bagi mendapatkan maklumat fitur terhadap lapisan data secara pantas.

Langkah:-

1. Pengguna memilih tool info  dan klik pada fitur di atas paparan peta.

2. Pilih lapisan data dari susunan pada Feature Info untuk mendapatkan maklumat
3. Tekan dan tarik roller tepi bagi melihat maklumat terlindung.
4. Tutup dengan butang x




#### 4.2.4 Tool Carian

Tools GIS bagi menu carian (query) disediakan bagi memudahkan pengguna membuat carian mengikut atribut tertamanya berkenaan kampung dengan lebih pantas. Pengguna berupaya mendapatkan lokasi fitur carian (kampung) diatas paparan peta. Selain itu pengguna juga dirangkaikan dengan carian lokasi yang terdapat dalam enjin Google contohnya nama pekan, bandar dan lain-lain.

Langkah penggunaan tool ini adalah dengan:-

1. Pilih salah satu lapisan data pada senarai kandungan untuk tujuan carian.
2. Aktifkan tool Query bagi mengakses menu carian seperti dibawah.




3. Menu ini menyediakan pengguna mendapatkan maklumat dengan menaip masuk nama carian dalam ruangan yang disediakan.
4. Dapatkan maklumat *field* carian dari menu pull-down. Contohnya bagi mencari kampung, pengguna perlu dapatkan "kampung" dalam senarai drop-down dan simbol = serta menaip masuk nama kampung carian.
5. Pengguna perlu menaip masuk nama kampung contohnya Kg. Meru
6. Klik kanan pada nama kampung yang telah diperolehi dan **Zoom To** kepada kampung tersebut. Hasilnya akan dipaparkan lokasi kampung tersebut pada peta.

Bagi memudahkan pengguna mendapatkan carian lain, turut disediakan carian dari aplikasi Google yang membantu pengguna mencari lokasi-lokasi daerah, mukim, bandar, pekan dan taman.

7. Carian Lokasi  disediakan diatas panel layaran. Pengguna hanya perlu menaip masuk dan senarai nama lokasi tersebut akan keluar pada drop-down. Pengguna hanya perlu memilih nama lokasi carian dan paparan akan bergerak kelokasi tersebut.

#### 4.2.5 Tool Pengukuran

Digunakan bagi mendapatkan ukuran pada fitur di atas peta. Unit ukuran digunakan adalah meter dan kilometer bagi jarak manakala square meter dan square kilometer bagi keluasan.



Langkah:-

1. Pilih bentuk ukuran  yang diperlukan iaitu jarak atau keluasan.
2. Memerlukan pengguna mendigit daripada lokasi mula kepada lokasi akhir. Sepanjang pendigitan nilai unit ukuran akan dipaparkan. Untuk hentikan klik secara pantas
3. Klik tool kembali untuk nyah aktif tool.

#### 4.2.6 Fungsi Kandungan Lapisan Data (TOC)

Tool ini disediakan bagi menunjukkan simbologi dan petunjuk pada setiap maklumat data yang di paparkan. Tool ini juga membolehkan pengguna mengawal data pada paparan peta.


|



Langkah:-

1. Pilih butang bagi melihat senarai maklumat dalam kandungan kumpulan data
2. Klik pada kotak lapisan data disediakan bagi memaparkan data. Klik kembali untuk memadamkankannya.
3. Klik butang bagi menghilangkan kandungan lapisan. Lazimnya bagi tujuan pembesaran tetingkap paparan.
4. Didalam kandungan lapisan juga disediakan fungsi penukar peta dasar mengikut keperluan pengguna. Antara peta dasar yang ditawarkan ialah:-

  - Open Street Map
  - Google Satellit
  - Google Hybrid
  - Google Road Map
  - Google Terain




#### 4.2.7 Fungsi Tetingkap Paparan

Berfungsi memaparkan segala aktiviti spatial secara interaktif menggunakan tool yang telah disediakan. Turut terkandung adalah:-

1. Tool navigasi ringkas yang membolehkan pengguna zoom in/out dengan menyeret butang bar ke atas dan ke bawah.
2. Lokasi x dan y berdasarkan jejak kedudukan cursor.

3. Skala paparan. Boleh diubah mengikut skala dengan memilih drop-down yang disediakan.



### 4.3 Laman Profil Kampung

Laman ini membolehkan pengguna mendapatkan profil maklumat bagi setiap kampung yang terpilih. Kandungan maklumat akan dibahagikan mengikut aturan jenis maklumat dalam pangkalan data kampung. Pengguna hanya perlu mengenalpasti kampung yang cuba diperlukan dengan spesifikasi daerah dan mukim kampung itu berada. Ianya juga turut memaparkan terus kedudukan dalam lokasi dan gambar kampung tersebut.

- Pilih butang Profil Kampung  bagi akses pada paparan.

The screenshot shows the 'Profil Kampung' section of the application. On the left sidebar, the 'Senarai' option is highlighted with a red box and circled number 1. Step 2 indicates the search fields for 'Daerah', 'Mukim', 'PBT', and 'Kampung'. Step 3 points to the 'Peta' button on the map. Step 4 points to the 'Senarai' tab in the navigation bar.

2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk daerah, mukim, PBT dan seterusnya nama kampung. Klik papar bagi mendapatkan maklumat. Reset bagi memadamkan kembali carian.
3. Pilih butang **Peta** bagi membesarluaskan paparan peta. Pengguna boleh melayari peta dan streetview tersebut
4. Akses maklumat mengikut kumpulan ciri-ciri maklumat dengan memilih tab yang disediakan.

## 4.4 Laman Senarai/Database

Laman ini menyediakan pilihan kepada pengguna untuk melihat bilangan keseluruhan kampung mengikut daerah dan mukim di Selangor. Pengguna juga boleh memilih kampung untuk dipaparkan dalam bentuk paparan WebGIS.



1. Pilih butang Senarai bagi akses pada paparan.


#	ID	NAMA KAMPUNG	DAERAH	MUKIM	PBT	LUAS HEKTAR	JENIS KAMPUNG	BIL. PENDUDUK
1	KS_KT33	Kg. Jaya Setia	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	692.31	Kampung Tradisi	1985
2	KS_KB03	Kg. Baru Seri B...	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	14.51	Kampung Baru	1850

2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk daerah dan mukim. Klik Papar untuk akses kepada maklumat.
3. Bagi menyenaraikan kampung, pengguna perlu klik pada nilai bilangan kampung.
4. Tool Excel digunakan bagi memuat-turun maklumat kampung tersenarai. Manakala tool Cetak digunakan bagi mencetak senarai kampung tersebut.
5. Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

## 4.5 Laman Infografik

Digunakan bagi pengguna mendapatkan ringkasan maklumat secara infografik. Pengguna perlu memilih maklumat asas untuk disaring bagi mendapatkan statistik data terutamanya yang melibatkan kesediaan kemudahan mengikut jumlah kampung.

1. Pilih butang Infografik  bagi akses pada paparan.



2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk kategori, kemudahan dan daerah. Klik Papar untuk akses kepada carta dan tabular/jadual.
3. Tool Simpan Graf digunakan bagi memuat-turun carta dalam format PNG .


## 4.6 Laman Analisis Semasa

Menyediakan tool bagi kemudahan pengguna melakukan analisis secara atas talian. Analisis yang disediakan melibatkan analisis maklumat kampung terutamanya melibatkan:-

- Analisis Kemudahan masyarakat
- Analisis Kesediaan Infrastruktur
- Analisis Ekonomi Kampung,
- Analisis Pemasalahan Sosial
- Analisis Potensi Warisan
- Analisis Potensi Kampung
- Analisis Daya Huni Kampung
- Analisis Program Kemasyarakatan
- Analisis Bencana Alam

Hasil yang diperolehi merupakan senarai ringkas bilangan dan peratus kampung yang ada/tiada kemudahan disediakan mahupun yang terlibat. Daripada itu juga, pengguna boleh memilih rekod kampung untuk melihat lokasinya dilaman WebGIS. Berikut adalah ilustrasi laman yang akan dibangunkan.

1. Pilih butang Infografik  bagi akses pada paparan.



2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk kategori, kemudahan dan daerah. Klik Semak untuk akses kepada maklumat.
3. Pada hasil analisis, pengguna perlu klik pada nilai bilangan kampung untuk penyenaraian kampung.
4. Tool Excel digunakan bagi memuat-turun maklumat kampung tersenarai. Manakala tool Cetak digunakan bagi mencetak senarai kampung tersebut.
5. Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

Nota: Langkah yang sama digunakan untuk lain-lain analisis yang dinyatakan.

## 4.7 Laman Hirarki Kampung

Antara analisis yang akan dapat dilaksanakan dalam kategori ini ialah:-

- Hirarki Kampung
- Tekanan Pembangunan
- Aksesibility Kampung

### 4.7.1 Analisis Hirarki Kampung

Laman ini mengkhususkan keupayaan menganalisa bagi mendapatkan kedudukan hirarki atau susunan kampung mengikut urutan kepentingannya. Berbeza dengan analisis terdahulu, analisis ini menggunakan kriteria dan pemberat dalam melaksanakan penilaian sesuatu kampung. Formula akan di gunakan dalam melaksanakan penilaian ini. Perincian mengenai kriteria dan tatacara analisis dapat dilihat pada Lampiran 1.

The screenshot shows the Hiraki Kampung section of the application. On the left sidebar, the 'Hiraki Kampung' button is highlighted with a red box and a circled number 1. The main content area displays a search form with dropdowns for 'Daerah' (Kuala Selangor) and 'Mukim' (Bestari Jaya), both with circled numbers 2. Below the form are buttons for 'Papar' (green), 'Reset' (blue), and 'Kriteria' (orange). A blue callout box below the buttons says 'Klik pada nama kampung untuk mendapat maklumat terperinci.' To the right is a table with columns: #, ID, NAMA KAMPUNG, DAERAH, MUKIM, PBT, LUAS HEKTAR, JENIS KAMPUNG, BIL. PENDUDUK, and SKOR. The table contains four rows of data. At the top of the table are buttons for 'Excel' (blue) and 'Cetak' (orange), both with circled numbers 3 and 4 respectively. A search bar 'Carian' is also present.


#	ID	NAMA KAMPUNG	DAERAH	MUKIM	PBT	LUAS HEKTAR	JENIS KAMPUNG	BIL. PENDUDUK	SKOR
1	KS_KT33	Kg. Jaya Setia	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	692.31	Kampung Tradisi	1985	0.314
2	KS_KB03	Kg. Baru Seri Berjuntai	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	14.51	Kampung Baru	1850	0.234
3	KS_KT31	Kg. Bestari Jaya	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	38.29	Kampung Tradisi	1900	0.224
4	KS_KT32	Kg. Rantau Panjang	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Majlis Daerah Kuala Selangor	172.11	Kampung Tradisi	7500	0.098

2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk daerah dan mukim. Klik Papar untuk akses kepada maklumat.
3. Tool Excel digunakan bagi memuat-turun maklumat kampung tersenarai. Manakala tool Cetak digunakan bagi mencetak senarai kampung tersebut.
4. Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

#### 4.7.2 Analisis Tekanan Pembangunan

Bertujuan untuk mengenapasti dan menyenaraikan kampung-kampung yang mengalami tekanan pembangunan di Selangor. Perincian mengenai kriteria dan tatacara analisis dapat dilihat pada Lampiran 1.

1. Pilih butang Hiraki Kampung dan Tekanan Pembangunan bagi akses pada paparan utama.




2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk daerah dan mukim. Klik Papar untuk akses kepada maklumat.
3. Pada hasil analisis, pengguna perlu klik pada nilai bilangan kampung untuk menyenaraikan kampung.
4. Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

#### 4.7.2 Analisis Aksesibiliti Kampung

Bertujuan untuk mengenapasti dan menyenaraikan kampung-kampung yang mempunyai tahap aksesibiliti kepada tiap-tiap kemudahan pengangkutan awam. Pengangkutan awam termasuk bas, rel dan jalan utama. Hasil analisis merupakan bilangan kampung yang menerima kemudahan tersebut.

1. Pilih butang Hirarki Kampung  dan Aksesibiliti Kampung bagi akses pada paparan utama.



2. Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk daerah dan mukim. Klik Papar untuk akses kepada maklumat.
3. Pada hasil analisis, pengguna perlu klik pada nilai bilangan kampung untuk penyenaraian kampung.
4. Tool Excel digunakan bagi memuat-turun maklumat kampung tersenarai. Manakala tool Cetak digunakan bagi mencetak senarai kampung tersebut.
5. Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

## 4.8 Laman Agihan Kemudahan

Analisis ini melaksanakan penilaian terhadap kemudahan masyarakat utama yang disediakan berbanding dengan keperluan kampung tersebut. Penilaian adalah berdasarkan kepada kriteria utama seperti jumlah penduduk kampung, kesediaan kemudahan, piawaian garis panduan yang ditetapkan dan agama (khas untuk kemudahan keagamaan).



1. Pilih butang Agihan Keperluan bagi akses pada paparan utama.

The screenshot shows the 'Analisis Keperluan Kemudahan' (Analysis of Community Needs) section. On the left sidebar, the 'Analisa Keperluan' icon is highlighted with a red box and a blue circle containing the number 1. In the main area, there's a form for selecting categories, a summary of results, and a list of villages.

**Kemudahan Masyarakat**

- Kategori: Kemudahan Agama
- Kemudahan: Masjid
- Daerah: Seluruh Selangor

**Hasil Analisis**

Bilangan Kampung	Perlu	Tidak Perlu
519	16	503

**Senarai Kampung Perlu Kemudahan Ini**

Klik pada nama kampung untuk maklumat penuh.

Bil.	Kampung	Daerah	Mukim	PBT	Luas Hektar	Jenis	Penduduk
1	Kg. Baru Se-Jarum	Kuala Langat	Telok Panglima Garang	Majlis Daerah Kuala Langat	382.43	Kampung Baru	30000
2	Kg. Cheras Baru	Hulu Langat	Ampang	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	79.02	Kampung Tradisi	14068
3	Kg. Laksamana	Gombak	Batu	Majlis Perbandaran Selayang	44.91	Kampung Tradisi	12096
4	Kg. Telok Nipah	Klang	Klang	Majlis Perbandaran Klang	587.51	Kampung Tradisi	8980

- Masukan maklumat pilihan secara drop-down untuk Kategori, Kemudahan dan Daerah. Klik Semak untuk akses kepada maklumat.
- Pada hasil analisis, pengguna perlu klik pada nilai bilangan kampung perlu/Tidak perlu untuk penyenaraian kampung.
- Tool Excel digunakan bagi memuat-turun maklumat kampung tersenarai. Manakala tool Cetak digunakan bagi mencetak senarai kampung tersebut.
- Pengguna hanya perlu memilih kampung bagi mendapatkan maklumat terperinci. Sistem akan akan rangkaikan dengan maklumat profil kampung.

## C. PENGURUSAN SISTEM (ONLINE)



**SMART Desa  
Selangor**

## 5.1 Tool Suntingan Data WebGIS


Tool suntingan data disediakan bagi membolehkan pengurus sistem membuat suntingan berdasarkan keperluan pengguna. Terdapat dua (2) jenis suntingan data yang dibenarkan dalam sistem ini iaitu :-

1. Mewujud/ memadamkan fitur spatial data
2. Mengemaskini maklumat pada data


Satu bentuk kawalan berupa kata laluan diwujudkan agar pengguna berdaftar berstatus *Editor* dan Pentadbir Sistem hanya dibenarkan untuk melaksanakan suntingan.

### 5.1.1 Mewujud/Memadamkan fitur spatial data

1. Pilih lapisan data yang ingin disunting dengan klik padanya.
2. Pilih Edit  dan **Create**. Menu login akan ditampilkan. Ini kerana hanya login tahap pengurus sistem sahaja yang boleh menyunting.




3. Masukan id pengguna seperti tertera dengan kata laluan xxxxxxxxx.
  4. Pengguna boleh menambahkan poligon/garis/titik (bergantung kepada fitur lapisan yang diaktifkan) baru dengan mendigit fitur/lokasi di atas peta tersebut.
- Tips:- Bagi node terakhir pendigitan (garis/poligon), klik secara pantas 2 kali untuk menamatkannya.
5. Table maklumat akan muncul selepas pendigitan dilakukan.




6. Maklumat tersebut boleh diisi dengan cara menaip masuk kandungan. Pastikan klik pada butang Save setelah selesai melaksanakan pembegmaskinian.

### 5.1.2 Mengemaskini maklumat data


1. Pilih lapisan data yang ingin disunting dengan klik padanya.
2. Pilih Edit dan **Modify**. Menu login akan ditampilkan.
3. Masukan id pengguna seperti tertera dengan kata laluan xxxxxxxx.



4. Pilih fitur yang ingin disunting dan jadual maklumat akan muncul.
5. Klik pada butang Edit bagi memulakan suntingan.



6. Pengguna boleh menyunting maklumat dengan menaip masuk maklumat baru atau mengantikkannya.





7. Bagi mengubah kedudukan lokasi fitur, klik pada point yang ingin disunting dan seret ke lokasi yang dikehendaki.
8. Setelah selesai, pastikan butang Save diketik.

## 5.2 Tool Suntingan Penampilan


Tool suntingan sistem disediakan bagi membolehkan pengguna berdaftar melakukan suntingan atau mengubah pada penampilan sistem mengikut kehendak pengguna. Suntingan ini melibatkan perubahan kartografi pada peta seperti warna, simbol dan text bagi paparan sistem. Hanya pentadbir sistem dibenarkan melaksanakan suntingan tampilan ini.

1. Pilih lapisan data yang ingin diubah penampilannya, Contohnya lapisan gunatanah
2. Klik pada Layer Style bagi mengaktifkan suntingan tampilan.  
Masukkan kata laluan pengurus sistem sekiranya menu kata laluan telah tampil.





3. Pilih simbologi/petujuk yang ingin disunting contohnya pengguna ingin mengubah warna petujuk Industri.
4. Klik pada Edit untuk memulakan suntingan.



5. Klik pada Color bagi mengubah warna petunjuk industri tadi dan Color Picker akan ditampilkan.
6. Pilih warna dengan klik pada warna yang dikehendaki.

7. Pasikan pengguna klik Save untuk menyimpan suntingan yang telah dilaksanakan.
8. Selain itu pengguna juga boleh menukar label. Kawalan terhadap saiz dan warna boleh dilakukan menggunakan tool ini.

### 5.3 Tool Suntingan Maklumat

Tool ini disediakan bagi memudahkan pengurus sistem (penyunting) mengemaskini maklumat bagi profil kampung pilihan secara atas talian. Hanya pengguna berdaftar sebagai pengurus sistem (termasuk penghulu dan pegawai Pejabat Tanah) dapat melaksanakan kerja ini. Konsep menu pull-down digunakan bagi memudahkan pengguna melaksanakan aktiviti ini. Terdapat juga maklumat berbentuk teks dan nombor yang memerlukan pengguna menaip masuk.

Berikut adalah langkah-langkah bagi suntingan maklumat:-



1. Klik pada Kemaskini Maklumat. Satu paparan Kemaskini Maklumat Profil Kampung akan muncul.

*Nota: -Bagi pengguna yang mempunyai akses akaun pengurus sistem, mereka boleh mengemaskini terus maklumat kampung. Sekiranya akaun pengguna biasa, fungsi ini tidak dapat diaktifkan.*

2. Pengguna perlu masukan pilihan Daerah, Mukim, PBT dan Kampung tersebut bagi mendapat kampung yang diingini.
3. Klik Kemaskini bagi mengaktifkan carian. Maklumat profil kampung tersebut akan dipaparkan.

4. Pilih kategori maklumat untuk ditampilkan profil
5. Klik pada maklumat untuk memulakan suntingan. Pengguna hanya perlu mengantikan maklumat dengan menaip masuk teks/nilai sekiranya tiada menu pull-down disediakan.

6. Sekiranya terdapat bebutang disediakan bermaksud terdapat pilihan yang telah disediakan untuk pengguna memilih secara drop-downs.



Bil. Penduduk	1845
Bangsa	Melayu
	<b>Tiada</b> <span style="color: blue;">6</span>
	Ada
	Tiada
	Ada
Cina	Ada

7. Klik pada kemaskini Kemaskini setelah suntingan selesai dilaksanakan.

## 5.4 Tool Penyelenggaraan Sistem

Smart Desa Selangor merupakan sistem yang dinamik dan berupaya untuk diselenggara oleh PlanMalaysia@Selangor sebagai custodian melalui stakeholder Bahagian GIS bagi tujuan kemas kini dan penambahbaikan sistem. Turut disediakan modul administrative yang membolehkan pengurus sistem (system admin) mengemaskini maklumat secara mudah.

### 5.4.1 Laman Pendaftaran Pemohon

Laman ini digunakan oleh pengurus sistem bagi melihat senarai pemohon yang telah memohon kata laluan dan meluluskan permohonan/menolak permohonan tersebut. Pemohonan bagi pengguna baru telah dibincangkan dalam section 3.2 Daftar Masuk Pengguna. Cara penggunaanya:-



- Aktifkan laman dengan klik pada Pentadbir Sistem  dan pilih Pendaftaran bagi melihat senarai pemohon.
- Pegawai Pengurus Sistem boleh meluluskan atau menolak permohonan yang tersenarai. Klik Terima sekiranya menerima permohonan tersebut. Manakala Reject sekiranya ingin menolak permohonan itu.

3. Aturan kedudukan (accesanding/decending) berdasarkan topik permohonan boleh dilaksanakan dengan klik pada tajuk column
4. Permohonan yang diluluskan/ditolak akan hilang dari senarai tersebut.

#### 5.4.2 Laman Pengurusan Akses

Laman ini bertujuan memapar dan mengurus senarai semua penama/pemohon yang telah diluluskan pendaftarannya. Pengurus sistem boleh melihat status dan profil pengguna. Disamping itu mereka boleh menamatkan kata laluan menggunakan laman ini. Cara penggunaanya:-



1. Aktifkan laman dengan klik pada Pentadbir Sistem dan pilih Pengurusan Akses bagi melihat senarai pengguna yang didaftarkan.

2. Bagi mendapatkan profil pengguna, klik pada butang View. Paparan profil pengguna terperinci akan dipaparkan.

3. Sekiranya pengurus sistem ingin membatal/menamatkan akaun pengguna, klik pada butang delete sahaja. Seterusnya akan memadamkannya dari senarai tersebut.



# SMART Desa Selangor